



PERPUSTAKAAN KUI TTHO  
3 0000 00119465 7

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

**BORANG PENGESAHAN KAJIAN KES**

JUDUL : MINAT, SIKAP DAN KESEDIAAN GURU TERHADAP PENGGUNAAN  
KOMPUTER DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

**SESI PENGAJIAN : 2001/2002**

Saya \_\_\_\_\_ **SHARIPAH KHADIJAH BINTI S. HASHIM**  
( **HURUF BESAR** )

Mengaku membenarkan kajian kes Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Kajian kes adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan kajian kes ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( 4 ) :

**SULIT**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK TERHAD**




( **TANDATANGAN PENULIS** )

Alamat Tetap :  
No. 105, Tmn Temerloh Jaya  
28000 Temerloh, Pahang.

Tarikh : 25/9/01



Disahkan oleh




( **TANDATANGAN PENYELIA** )

TUAN HAJI ALI BIN SURADIN  
Nama Penyelia

Tarikh : 25/9/01

**“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)”.**

**Tandatangan :**   
**Penyelia :** TUAN HAJI ALI BIN SURADIN  
**Tarikh :** 25/9/01

**MINAT, SIKAP DAN KESEDIAAN GURU TERHADAP PENGGUNAAN  
KOMPUTER DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**


**SHARIPAH KHADIJAH BINTI S.HASHIM**

**Kajian kes ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)**

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**SEPTEMBER, 2001**

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya “.

Tandatangan : .....  .....

Nama Penulis : Sharipah Khadijah Binti S. Hashim

Tarikh : ..... 25/9/01 .....

## **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau sejauhmana minat, sikap dan kesediaan guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti jenis-jenis perisian komputer yang diminati. Seramai 36 orang guru dari Sekolah Menengah Teknik Temerloh, Pahang telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Statistik deskriptif telah digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data berdasarkan minat, sikap dan kesediaan guru terhadap penggunaan komputer. Hasil kajian menunjukkan pada keseluruhannya, walaupun guru-guru mempunyai minat dan bersedia menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran tetapi sikap yang ditunjukkan oleh mereka adalah negatif. Selain daripada itu, hasil kajian ini juga mendapati bahawa jenis perisian komputer yang lebih diminati ialah penyelesaian masalah, latih tubi dan penilaian berbanding jenis tutorial, simulasi dan permainan tutorial. Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan minat, sikap dan kesediaan guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, sekolah-sekolah kerajaan atau swasta, dan badan-badan korporat seharusnya dapat memainkan peranan penting dengan menyediakan program-program atau latihan yang bersesuaian bagi guru-guru dan bilangan komputer yang lebih banyak disediakan di sekolah-sekolah.

## **ABSTRACT**

The study was conducted to survey on teacher's interest, attitude and preparation of using computer in learning and instruction. Other than that, the survey was also to identify what types of software are more interested by the teacher. A total of 36 teachers from Sekolah Menengah Teknik Temerloh, Pahang were involved as a responden. Descriptive statistics were used to collect and analyse the data. The findings of the study showed that teachers are interested and prepared to use computer in learning and instruction but they showed negative attitudes. The software that are more interested by the teacher are exercises, solving problem and evaluation. As a result, to enhance teacher's interest, attitude and preparation of using computer in learning and instruction, Malaysian Ministry of Education, government and corporate bodies should play their role by providing suitable programs for teachers and more computers in school.



**KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
	BORANG PENGESAHAN KAJIAN KES	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	v
	KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv

**BAHAGIAN SATU****BAB I**

BAB I	PENGENALAN	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Tujuan Penyelidikan	7
1.5	Soalan Kajian	8
1.6	Kerangka Teori	9
1.6.1	Penerangan Kerangka Teori	10
1.6.1.1	Input	10
1.6.1.2	Proses	11
1.6.1.3	Output	11
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Skop Kajian	13
1.9	Definisi Istilah	14
1.9.1	Minat	14
1.9.2	Sikap	15
1.9.3	Kesediaan	15
1.10	Rumusan	16

**BAHAGIAN DUA****BAB II**

<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	<b>17</b>
	2.1	Pendahuluan 17
	2.2	Komputer Dalam Pendidikan 21
	2.3	Sikap Terhadap Penggunaan Komputer 23
	2.4	Keberkesanan Pengajaran Berbantuan Komputer 24
	2.5	Kesimpulan 26

**BAHAGIAN TIGA****BAB III**

<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	<b>27</b>
	3.1	Pendahuluan 27
	3.2	Rekabentuk Kajian 28
	3.3	Sampel Kajian 29
	3.4	Pengumpulan Data 29
	3.5	Instrumen Kajian 30
	3.6	Analisis Data 33
	3.7	Andaian 34
	3.8	Kesimpulan 34

## BAHAGIAN EMPAT

### BAB IV

BAB IV	ANALISIS KAJIAN	35
	4.1	Pendahuluan 35
	4.2	Analisis Bahagian A
		(Latar Belakang Responden) 35
	4.2.1	Responden Mengikut Jantina 36
	4.2.2	Responden Mengikut Keturunan 37
	4.2.3	Responden Mengikut Mata Pelajaran Yang Diajar 38
	4.2.4	Responden Mengikut Pengalaman Mengajar 39
	4.3	Analisis Bahagian B 40
	4.3.1	Minat Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran 41
	4.3.2	Jenis Perisian Komputer Yang Diminati Dalam Pengajaran dan Pembelajaran 43
	4.3.3	Sikap Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran 46
	4.3.4	Tahap Kesiediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran 49
	4.4	Skor Min Sikap Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran 51

## **BAHAGIAN LIMA**

### **BAB V**

<b>BAB V</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pendahuluan	54
5.2	Minat Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.	54
5.3	Jenis Perisian Komputer Yang Diminati dan Tidak Diminati Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.	55
5.4	Sikap Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	56
5.5	Kesediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	56
5.6	Cadangan Kepada Pihak Yang Terlibat	57
	5.6.1 Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia	57
	5.6.2 Pihak Sekolah	57
	5.6.3 Pihak Swasta dan Badan Korporat	58
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	58
5.8	Kesimpulan	59
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>60</b>
	<b>LAMPIRAN A</b>	<b>63</b>

**SENARAI JADUAL**

<b>NO JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
3.1	Aspek-aspek Soalan Soal Selidik	31
3.2	Kunci Pemarkahan Bahagian B	32
3.3	Ukuran Tahap Bagi Skor Min	32
4.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina	36
4.2	Bilangan Responden Mengikut Keturunan	37
4.3	Bilangan Responden Mengikut Mata Pelajaran Yang Diajar	38
4.4	Bilangan Responden Mengikut Tempoh Pengalaman Mengajar	39
4.5	Minat Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.	41

4.6	Jenis Perisian Komputer Yang Diminati Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	43
4.7	Sikap Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	46
4.8	Tahap Kesiediaan Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	49
4.9	Sikap Responden Berdasarkan Skor Min	51
4.10	Skor Min dan Tahap Sikap Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	52

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
4.1	Carta Pai Menunjukkan Bilangan Responden Mengikut Jantina	36
4.2	Carta Palang Menunjukkan Bilangan Responden Mengikut Keturunan	37
4.3	Carta Palang Menunjukkan Bilangan Responden Mengikut Mata Pelajaran Yang Diajar	38
4.4	Carta Pai Menunjukkan Bilangan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	39
4.5	Carta Pai Menunjukkan Bilangan Responden Mengikut Jenis Perisian	44



## **SENARAI SINGKATAN**

PBK - Pengajaran Berbantuan Komputer

**SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	63

# **BAB I**

---

## **Pengenalan**

## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Era perkembangan teknologi pada masa kini mempengaruhi setiap bidang kehidupan. Aspek teknologi telah digabungkan dalam kurikulum sekolah sebagai satu daya usaha ke arah menyemai dan memupuk minat serta sikap yang positif terhadap perkembangan teknologi.

Budaya persekolahan seharusnya diubah daripada sesuatu yang berdasarkan memori kepada yang berpengetahuan, berpemikiran kreatif dan penyayang dengan menggunakan teknologi terkini. Seajar dengan objektif tersebut pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia berhasrat mewujudkan Sekolah Bestari yang dapat bertindak mengisi agenda perancangan dan pelaksanaan Koridor Raya Multimedia.

Pelaksanaan ini akan membuka ruang seluas-luasnya kepada teknologi komputer yang akan membolehkan fleksibiliti dan kepelbagaian dibina dalam sistem pendidikan. Suasana ini akan dapat mengurangkan jurang peluang antara mereka yang berkemampuan dan berupaya menggunakan teknologi terkini di rumah dengan yang kurang berkemampuan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997).

Menjelang tahun 2005, akan wujud senario di mana pelajar tidak perlu menggalas beg berat ke sekolah, sebaliknya memadai hanya dengan membawa beberapa keping disket kecil. Pelajar akan menerima pelajaran daripada guru yang menyediakannya samada di dalam disket atau 'server' untuk dicapai. Tidak mustahil jika situasi di mana buku-buku telah dipadatkan ke dalam CD-ROM yang tentunya bersaiz kecil dari yang terdapat dewasa ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997).

Segala bentuk ledakan ini tidak dapat dipertikaikan lagi berdasarkan dengan transformasi radikal yang sedang berlaku dalam Kementerian Pendidikan Malaysia di mana menjelang tahun 2010, konsep Sekolah Bestari dapat dijalankan secara menyeluruh ke seluruh negara (Mohamad Saad, 1999).

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Sekolah Bestari menjadi agenda yang utama dalam sistem pendidikan sekarang apabila Kementerian Pendidikan bercadang untuk menjadikan semua sekolah menengah dan rendah di seluruh negara sebagai sekolah bestari menjelang tahun 2010. Melalui sekolah bestari, satu perubahan sistematik diharap dapat dilakukan terhadap sistem pendidikan negara melalui aspek kurikulum, sistem penilaian, pengurusan dan latihan guru. Sekolah bestari juga menjadi salah satu daripada tujuh Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia. Ini menunjukkan bahawa bidang teknologi menjadi tumpuan utama untuk menjayakan rancangan ini kerana penekanan utama dalam sekolah bestari ialah teknologi merentasi kurikulum ( Mahathir Mohamad, 1997).

Menurutnya lagi, penggunaan komputer dalam pendidikan dan kebolehan pelajar menggunakannya secara berkesan kini dilihat sebagai keperluan dalam mana-mana sistem pendidikan. Kesedaran semua pihak terhadap perubahan pesat teknologi serta peranan yang dimainkan oleh pendidik untuk menginovasikan sistem pendidikan sesuai dengan perubahan semasa.

Penggunaan komputer telah menular ke sekolah-sekolah di Malaysia sama ada di kawasan bandar mahupun di luar bandar. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan suatu projek percubaan di dua puluh buah sekolah, 'pelajaran kenal faham komputer' telah diajarkan secara formal kepada pelajar tingkatan empat (Omar, 1986). Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga telah menubuhkan Unit Teknologi Komputer yang berperanan untuk membina perisian komputer dan menjadi agen dalam menggalakkan penggunaan komputer dalam pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997).

Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dalam pendidikan. Kesedaran semua pihak terhadap perubahan pesat teknologi sejagat serta peranan yang boleh dimainkan oleh komputer dalam sistem pendidikan menjadi agenda utama dalam sistem pendidikan negara. Pelaksanaan program pendidikan komputer dilihat sebagai satu langkah penting dalam usaha menjadikan komputer sebahagian daripada sistem pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Dalam usaha menjadikan pendidikan di Malaysia berjaya, pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer perlu segera dilakukan. Menurut Nik Aziz (1996), kemajuan yang begitu pesat dalam bidang teknologi satelit, telekomunikasi dan teknologi maklumat membolehkan seseorang individu menyampaikan, mengumpul, menyalur, menyebarkan, menguruskan, memproses atau menyimpan pelbagai jenis maklumat dengan cepat dan mudah. E-mel, World Wide Webs, teknologi digital, internet, CD-ROM dan bahan multimedia interaktif yang lain menjadi alat atau kemudahan baru dalam sistem pendidikan yang bersifat bestari. Oleh itu, kita perlu memanfaatkan segala kemudahan yang ada dengan menerapkannya dalam sistem pendidikan di sekolah, maktab perguruan dan juga institusi pengajian tinggi.

Namun begitu, maklumat tentang minat, sikap dan kesediaan pendidik terhadap kemahiran teknologi maklumat amnya, dan kemahiran menggunakan komputer untuk proses pengajaran dan pembelajaran khususnya, masih menjadi satu isu dan persoalan. Inilah yang ingin diselami dan mengapa masalah ini telah dipilih oleh penyelidik.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan komputer dalam pendidikan atau pembelajaran berbantuan komputer perlu dikendalikan dengan sempurna dan menerusi penilaian secara formatif agar segala kelemahan dan kekurangan perancangan dapat dikenal pasti dan diperbaiki.

Sikap yang positif adalah perlu bagi menjayakan sesuatu inovasi. Ia memerlukan kedua-dua domain afektif dan kognitif. Hofmeifer (1984) menyokong pendapat ini dengan menyatakan bahawa kefahaman tentang komputer sahaja adalah tidak mencukupi bagi membolehkan seseorang itu menggunakan komputer dengan baik. Faktor-faktor afektif adalah penting dalam menentukan sama ada seseorang individu boleh berfungsi secara berkesan dengan teknologi ini. Menurutnya, terdapat ramai orang yang berasa tidak selesa untuk menggunakan komputer. Adalah wajar bagi pendidik memupuk sikap positif terhadap komputer dan mengelakkan kesukaran berkomunikasi dalam masyarakat berkomputer.

Sikap seseorang terhadap komputer dapat memberi kesan kepada tahap literasi komputernya. Clement (1981) melaporkan bahawa guru-guru yang bersikap positif terhadap komputer dapat menggunakan komputer dalam pengajarannya secara berkesan. Sebaliknya, guru yang bersikap negatif menunjukkan kegelisahan apabila melakukan aktiviti-aktiviti yang berasaskan komputer (Jay, 1981).

Terdapat kajian-kajian yang menunjukkan bahawa guru kurang menggunakan komputer di dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Fatimah (1980), guru kurang menggunakan komputer dalam pendidikan di mana terdapat bilangan besar guru-guru yang masih menggunakan kaedah tradisional yang hanya menggunakan kapur dan papan hitam sahaja dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.